



## MAJLIS PERBANDARAN KANGAR

### PEMBERITAHUAN

Ruj: MPK.PS. 08 / 351 JLD2 (18)

#### HAD WAKTU OPERASI AKTIVITI PERNIAGAAN JUALAN MAKANAN & MINUMAN SEPANJANG BULAN RAMADHAN 1443H / 2022M

#### KEPADA SEMUA PEMILIK / PENGUSAHA PERNIAGAAN JUALAN MAKANAN & MINUMAN DALAM KAWASAN OPERASI MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS

Sila ambil maklum bahawa had waktu operasi aktiviti perniagaan jualan makanan dan minuman di sepanjang Bulan Ramadan 1443H / 2022M adalah ditetapkan seperti berikut :

BIL.	JENIS PREMIS MAKANAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
1	Perniagaan jualan makanan (restoran / kedai makan / kiosk / gerai / penjaja dan lain-lain) : a. Pemilik / pengusaha <b>beragama Islam</b> b. Pemilik / pengusaha <b>bukan beragama Islam</b>	<b>2.00 petang hingga 6.00 pagi</b>  <b>Waktu operasi biasa (tertakluk kepada larangan menjual makanan / minuman kepada orang yang beragama Islam pada waktu siang sebelum jam 2.00 petang)</b>
2	Premis perniagaan <b>francais makanan segera (fast food)</b> dan premis makanan <b>jenama antarabangsa</b>	<b>Waktu operasi biasa (tertakluk kepada larangan menjual makanan / minuman kepada orang yang beragama Islam pada waktu siang sebelum jam 2.00 petang)</b>

Semua aktiviti perniagaan jualan makanan dan minuman sepanjang bulan Ramadan adalah tertakluk kepada seksyen 25 Enakmen Jenayah Dalam Syarak Negeri Perlis yang melarang penjualan makanan / minuman kepada orang yang beragama Islam pada waktu siang sebelum jam 2.00 petang. Sesiapa yang disabitkan kesalahan kerana melanggar larangan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM3,000.00 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan berikutnya,

**boleh didenda tidak melebihi RM5,000.00 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.**

Arahan :

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR**

Tarikh : 1 April 2022.

***Majlis Perbandaran Kangar juga ingin mengucapkan  
Selamat Menunaikan Ibadah Puasa dan Selamat Menyambut Ramadan Al-Mubarak  
kepada seluruh rakyat Negeri Perlis yang beragama Islam***

***Marhaban Ya Ramadan***